

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEEMPAT BELAS  
17 APRIL 2020**

**PERKARA : 5(B)(XXIII)24**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN TELOK AYER TAWAR  
YB. MUSTAFA KAMAL BIN AHMAD**

24. Sila nyatakan apakah langkah Kerajaan Negeri melalui MMK Agama untuk meneruskan dan menyemarakkan lagi syiar Islam di Negeri Pulau Pinang.

**YB. DATO' IR. HAJI AHMAD ZAKIYUDDIN BIN ABD. RAHMAN  
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

24. Dalam usaha meneruskan dan menyemarakkan lagi syiar Islam di Negeri Pulau Pinang, Kerajaan Negeri melalui MMK Hal Ehwal Agama Islam merancang dan berusaha untuk melaksanakan pelbagai program selaras dengan dasar-dasar yang ditetapkan seperti berikut :-
- (a) Memperluaskan konsep Gagasan Membangun Khaira Ummah selari dengan konsep Penang2030 melalui pengupayaan khaira ummah; pengupayaan ekonomi; dan pengupayaan sains dan teknologi khususnya pembangunan industri halal;
  - (b) Pengupayaan pendidikan khususnya pendidikan Islam di peringkat sekolah rendah, menengah dan juga pengajian tinggi;
  - (c) Memperkuat institusi masjid dan surau seluruh Negeri Pulau Pinang dengan menjadikan masjid dan surau sebagai 'one stop centre' untuk pelbagai kegiatan kemasyarakatan;
  - (d) Memperkuat institusi Zakat Pulau Pinang dengan mengadakan pelbagai usaha seperti kempen kesedaran dan galakan pembayaran zakat kepada masyarakat, kaedah agihan zakat kepada golongan yang memerlukan

- dengan lebih efisien serta membantu meningkatkan ekonomi golongan B40;
- (e) Memperkasa pengurusan pembangunan tanah-tanah wakaf di Negeri Pulau Pinang; dan
  - (f) Memperkasa Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang dan Jabatan Hal Ehwal Agama Islam sebagai sebuah institusi agama yang disegani melalui pelbagai agenda pembangunan Islam baik dalam aspek keagamaan, keilmuan dan juga sosial.